

Eugenik dan Masa Depan di Malaysia

FIRDAUS AKIL

Sewaktu Seminar Falsafah Kebangsaan pada bulan Ogos tahun 2014 bertempat di Bangi, Selangor yang saya telah hadir sebagai pembentang dalam membentangkan tentang biopolitik-tanatopolitik secara ringkas, saya ada menyediakan beberapa persoalan pada akhir pembentangan sebagai isi-isi perbincangan, dan isi berkenaan eugenik adalah salah satu daripadanya. Maka kertas yang berjudul Eugenik & Masa Depan di Malaysia ini, pada sekitar Ogos 2015 sekarang adalah sebuah lanjutan daripada pembentangan saya yang pertama pada waktu itu.

Eugenik menurut saya, dalam bahasa senangnya, ialah usaha kita untuk mewujudkan keturunan yang baik-baik. Lantas, takrifan keturunan yang baik-baik itulah yang perlu dirincikan, termasuklah takrifan eugenik yang kita akan lihat dalam bahagian seterusnya. Beberapa persoalan yang lahir sepanjang pembacaan berkenaan eugenik ini berlangsung, ialah: Siapa yang patut dilahirkan? Siapa pula yang tak wajar dilahirkan? Kenapa kita perlu meneliti kriteria untuk manusia yang bagus jika dilahirkan dan manusia yang tak bagus jika dilahirkan? Apakah kelahiran seseorang itu menjamin kebaikan untuk semua insan, ataupun sebaliknya? Ada banyak lagi persoalan yang saya terfikirkan, tapi sementara ini, kita tak perlu pergi lebih jauh. Cukuplah beberapa soalan yang saya kira bersifat pokok terlebih dahulu. Sekali pandang, seakan soalan-soalan tersebut terlalu bersifat melampaui kebolehan manusia untuk memahami masa depan, kerana manusia bukannya tuhan (atau insan yang mengetahui semua perkara). Tapi memandangkan dunia yang

kita hidup sekarang ini bersifat terhadap sumbernya, dan tak semua orang akan dapat apa yang mereka hasratkan, maka manusia ada pilihan: samada untuk mengawal sumber, atau mengawal insan yang menggunakan pakai sumber, ataupun kedua-duanya sekali. Dan perihal eugenik ini saya pandang sebagai langkah yang mengawal insan yang menggunakan pakai sumber. Lagipun, disiplin eugenik ini saya lihat sebagai ruang di mana sains biologi (atau, sains genetik) yang kuat mempengaruhi dasar awam.

1 Pengenalan

Pada September tahun 1939, Adolf Hitler menandatangani dokumen berjudul *Gesetz zur Verhütung erbkranken Nachwuchses*, atau bahasa Inggerisnya, *The Law for the Prevention of Offspring with Hereditary Diseases*, dan undang-undang ini mengandungi 3 tindakan spesifik dalam mencegah penyakit keturunan seperti terencat akal (*mental retardation*), skizofrenia, dan alkoholisme. Tiga tindakan tersebut ialah: (1) pemandulan secara paksaan ke atas populasi yang tak cergas (*unfit population*); (2) pembunuhan kanak-kanak yang cacat dan memiliki kecelaruan keturunan selepas didaftarkan di pusat di mana suruhanjaya tertentu akan menentukan samada kanak-kanak tersebut layak dimatikan atau tak; serta (3) tindakan T4 yang menyasarkan pesakit jiwa untuk dibunuh.¹

Terlebih dahulu pada suatu masa, yakni abad ke-15 di Sepanyol, orang ramai seringkali meluahkan persoalan seperti apa beza biologi- kal antara orang-orang yang beriman (*believers*) dengan orang-orang yang tak beriman (*heretics*), apa perbezaan antara orang Kristian dengan Yahudi, dan akibatnya timbullah keinginan untuk saling bersaing, makna kata siapa lebih mulia tarafnya antara Kristian dengan Yahudi. Maka menurut Henry Lea, konsep *limpiezza de sangre*, yakni kemurnian darah (*the purity of the blood*) telah mengakar umbi dalam gerakan inkuisisi Sepanyol. Nah, itu di Eropah suatu masa dahulu.

Kemudian, tertubuhnya juga *Gesellschaft für Rassenhygiene* di Jerman pada tahun 1905, *English Eugenics Education Society* pada tahun 1907, *American Eugenics Society* pada tahun 1923, lantas idea eugenik ini berkembang di negara-negara yang bukan berbahasa

¹Sfera 2013.

Inggeris seperti di Norway, Brazil, dan Kesatuan Soviet menurut Buchanan.²

Terlalu banyak peristiwa yang boleh dikaitkan dengan gerakan eugenik. Oleh itu kita harus bermula dengan takrifan terlebih dahulu.

1.1 Takrifan

Istilah “eugenik”, atau istilah asal Inggerisnya “*eugenics*” telah diperkenalkan oleh Francis Galton pada tahun 1883, yang diambil dari perkataan Yunani, “*eugenes*” yang merujuk kepada konsep “*good in birth*” atau “*noble in heredity*”, yakni kemuliaan yang hadir dalam sesebuah kelahiran dan pewarisan.³ Menurut *Farmer 2008*, istilah eugenik ini boleh disimpulkan menjadi “*well born*”, yakni dilahirkan dalam keadaan yang elok-elok sahaja. Selain itu, Galton memaknakan eugenik sebagai suatu sains untuk memperbaiki stok.^{4,5} Menurut Leon *Leon 2013* pula, fahaman eugenik ialah sebuah konsep bahawa sains boleh memperbaiki populasi melalui pembiakan selektif, dan dengan menjaga pewarisan ialah kunci penting untuk mereformasikan masyarakat. Menurut *Allen 2011*, eugenik di kebanyakan negara-negara barat dalam empat dekad pertama sekitar abad ke-20 merujuk kepada idea bahawa gen mengawal hampir semua trait fenotipik manusia, semuanya bermula dari ciri-ciri fizikal seperti polidaktili dan warna mata hinggalah kepada keadaan fisiologikal seperti kumpulan darah A-B-O kepada mental dan trait personaliti seperti lemah daya pemikiran, alkoholisme, dan pauperisme.

Pendapat yang selainnya, jikalau menurut Noelle Lenoir, eugenik ini ialah sebuah “...idea yang bersifat kontroversi, dan dalam masa yang sama kurang memiliki konsensus atas takrifan tepat berkenaannya. Beberapa amalan boleh dikira sebagai eugenik oleh sesetengah orang, dan ada juga yang tidak.” Menurut Lenoir lagi, mungkin sahaja permasalahan pentakrifan ini hanya wujud pada peringkat konseptual yakni dalam erti kata apa itu sebenarnya eugenik, dan bukannya praktikal dalam erti kata masalah moral memandangkan masalah moral ini seperti kelihatan telah selesai.

²*Tankard Reist 2006*, hlm. 34.

³*Kevles 1985*, hlm. ix.

⁴*Lombardo 2011*, hlm. 1.

⁵Eugenik sebagai “*the science of improving stock*” bagi Galton. Istilah “*stock*” atau stok di sini merujuk kepada hidupan.

1.2 Peranan

Berbicara tentang peranan, harus bermula daripada persoalan seperti apakah peranan, atau fungsi, atau tujuan eugenik ini? Jawabannya pelbagai. *Kline 2001* cuba menjelaskan bagaimana dan kenapa eugenik telah menjadi penawar kepada masalah kecelaruan moral. Selain itu, eugenik juga sering menyentuh tentang bagaimana sesebuah negara itu akan jadi, makna kata membuat banciaan tentang para wanita yang menanggung anak kepada para lelaki, merekodkan kecacatan yang diwariskan (*hereditary disabilities*), dan mencadangkan penentu biologikal terhadap tingkah laku seksual dan politik.⁶

2 Masalah

Masalah yang timbul juga adalah cabaran yang perlu ditangani. Saya menyenaraikan beberapa masalah berikut seperti masalah teknik penyelidikan, masalah persepsi, masalah kekaburan eugenik.

2.1 Masalah teknik penyelidikan

Salah satu masalah berkenaan eugenik ialah masalah teknik penyelidikan. Kritikan terhadap eugenik pada sekitar tahun 30-an berkisar tentang betapa lemahnya teknik penyelidikan dan ketidakadilan seputar bias kelas, makna kata kelas sosial.⁷ Lagi menurut Mazumdar, pada waktu itu, pengetahuan para ilmuwan berkenaan genetik masih terlalu baru, dan sebarang idea untuk menambah baik (*upgrade*) manusia itu terlalu asing. Di sini kita dapat melihat adanya konflik antara pendukung idea eugenik melawan golongan anti-eugenik. Golongan anti-eugenik yang berasa sangsi sentiasa menggunakan hujah berkenaan disiplin sains genetik masih terlalu muda dan mungkin manusia belum bersedia untuk itu, manakala golongan pro-eugenik waktu itu berterusan melobi, menyebarkan propaganda dengan harapan parlimen akan meluluskan gubalan eugenik yang sudah lama mereka pro-eugenik sendiri desakkan. Perdebatan antara dua golongan tersebut umumnya berkisar tentang hal-hal kecacatan mental yang diwarisi, kumpulan yang bermasalah sosialnya, serta kempen pemandulan sukarela. Suruhanjaya Wood

⁶*Ordover 2003*, hlm. 6.

⁷*Mazumdar 1992*, hlm. 142.

waktu itu yang memetik dapatan laporan Lewis menyatakan bahawa kelemahan mental (*mental deficiency*) diakibatkan oleh kedua-dua faktor yakni faktor genetik serta faktor masalah sosial.^{8,9} Namun kemudian, Suruhanjaya Gelandangan (*Vagrancy Committee*) juga menjemput orang yang sama, yakni Lewis sekali lagi untuk menjalankan kaji selidik, kali itu untuk menyelidik keadaan mental gelandangan. Suruhanjaya Gelandangan ini langsung bukan terdiri daripada orang-orang yang dari penyokong eugenik. Oleh kerana itu, sewaktu Lewis mendapati 15% daripada mereka mengalami lemah daya pemikiran, 5.4% tak waras, dan 5.7% adalah psikotik, Suruhanjaya Gelandangan mentakwilkan keputusan kajian Lewis itu sebagai kegagalan sosial seseorang bukanlah sebahagian besarnya diakibatkan oleh genetik, tapi sebaliknya berpendapat ada banyak lagi faktor lain seperti nyanyuk, penyakit bronkitis, tuberkulosis, dan sebagainya.¹⁰ Melihat bagaimana sebarang kajian itu walaupun dilaksanakan oleh orang yang sama, dalam kes tersebut yakni Lewis, tetapi agenda kajian serta interpretasinya atas kajian berbeza-beza mengikut pihak yang menaja atau mengarah.

Contoh kedua, adalah bagaimana Karl Pearson dan David Heron mengkritik penyelidikan Charles B. Davenport dalam hal kecacatan mental warisan kerana hasil Davenport bersifat sambil lewa dan kurang saintifik¹¹ Makna katanya, Heron mendakwa andaian Davenport bahawa lemah daya pemikiran itu disebabkan oleh gen resesif (*recessive gene*) yang akhirnya wujud dalam bentuk homozigos, dan penjelasan Davenport yang bersifat Mendelian itu terlalu sewenang-wenangnya, lantas sukar untuk dipercayai. Misal kata, sepasang ibu bapa yang kelihatan normal tapi akhirnya melahirkan zuriat yang lemah daya pemikiran (*ff*), mereka si ibu-bapa tersebut akan dianggap sebagai heterozigos untuk lemah daya pemikiran (*Ff*), lalu para pengkaji akan menyelusuri susur galur

⁸Mazumdar 1992, hlm. 143.

⁹Lewis yang mewakili Suruhanjaya Wood menjalankan kaji selidik terhadap enam kawasan yang berbeza, dan tinjauan terhadap populasi di bandar dan desa secara seimbang dan anggaran setiap 8.57 daripada 1000 orang mengalami lemah daya pemikiran (*feeble-mindedness*).

¹⁰Suruhanjaya Gelandangan (*Vagrancy Committee*), dilantik oleh Arthur Greenwood yang dahulunya seorang pensyarah ekonomi dan kemudian berkhidmat sebagai *Labour Minister of Health*, telah menaruh keraguan terhadap keputusan laporan Wood tersebut yang terlalu bias agendanya di mana lebih memihak kepada eugenik. Maka laporan mereka yang turut menjemput orang yang sama yakni Lewis adalah untuk menawarkan suatu alternatif lain agar konsistensi pendapat teruji.

¹¹Allen 2011.

keluarga serta nenek moyang untuk mencari-cari sesiapa sahaja yang boleh diklasifikasikan sebagai lemah daya pemikiran. Cara sebegini agak lemah (dan sejujurnya menurut pendapat peribadi saya, agak bersifat “*wishful thinking*”). Lagipun menurut Hamish G. Spencer dan Diane B. Paul¹² pula, nisbah-nisbah tersebut didakwa oleh Davenport sebagai memenuhi ramalan Mendelian tapi data pula menunjukkan sebaliknya.¹³

2.2 Masalah persepsi

Untuk masalah persepsi ini pula, kita tak terlepas untuk bermula daripada idea Thomas R. Malthus serta kelompok neo-Malthusian. Menurut *Farmer 2008*, Malthus berpendapat populasi yang tidak dikawal akan mengundang kurangnya bekalan makanan kepada setiap insan, makna kata, bumi belum tentu menampung penduduk yang begitu ramai. Idea Malthus ini mengundang kepada kewujudan rumah-rumah kerja (*workhouses*) yang pada zaman itu terkandung penghuni yang diasingkan mengikut jantina, dan penghuninya – yang kita sedia maklum bahawa mereka ini miskin – dicegah daripada menghasilkan zuriat. Akhirnya, William Corbett menentang idea larangan ini (orang miskin dilarang berhubungan seksual, kerana dikhuatiri melahirkan zuriat), namun kemudian atas kritikan tersebut wujudlah golongan neo-Malthusian seperti Charles Bradlaugh dan Annie Besant. Kiranya, bagi kelompok neo-Malthusian, orang miskin masih boleh melakukan seks, tapi seelok-eloknya mengamalkan kontrasepsi agar tak melahirkan zuriat.¹⁴ Teori-teori yang lebih kurang sama yang menggalakkan untuk orang kaya (atau ayat lain, orang yang cergas, *fit*) membantu orang miskin (orang yang tak cergas, *unfit*) khususnya seperti yang dianjurkan oleh institusi gereja, dilihat oleh para pendokong eugenik sebagai “*counterproductive*”, kerana membiarkan jenis disgenik (lawan kepada eugenik) ini membiak dan menambah beban kepada golongan yang cergas.

¹²Allen 2011.

¹³Jika diikutkan piawaian masa kini menurut Spencer dan Paul, teori kecacatan mental Mendelian itu boleh dibidas dengan mudah. Bidang tersebut dirincikan dalam *Spencer & Paul 1998*.

¹⁴Di sini dapatlah kita lihat betapa hak untuk seseorang insan itu melahirkan zuriat seakan dihalang. Namun, persoalan hak untuk membiak itu bukan isi utama perenggan ini. Mungkin akan diulas dalam perenggan yang lain nanti.

Persepsi berkenaan asal usul hak untuk menggugurkan kandungan.¹⁵ Hak untuk melahirkan? Hak untuk tidak melahirkan? Mary Wollstonecraft dan Emily Pankhurst menolak pengguguran kandungan secara haram, dengan mendakwa bahawa keterdesakan untuk menggugurkan kandungan itu ialah akibat daripada tekanan daripada masyarakat yang didominasi patriarki. Para feminis yang terawal lebih bersifat mencadangkan bahawa misi masyarakat yang sebenar dalam hal ini adalah untuk menyediakan para wanita sebuah kapasiti ekonomi, perundangan, moral, dan obstetrik untuk melahirkan anak – dan bukan untuk menggugurkan anak! Sifat keibuan, “*motherhood*” akan luntur sekiranya para patriarki terus menekan para wanita sebagai objek yang “dilarang melahirkan anak jikalau tak cergas”. Seorang wanita berhak untuk melahirkan anak, berzuriat, tanpa sebarang halangan daripada mana-mana pihak termasuklah kerajaan.

Jikalau kita melihat dari sudut keagamaan pula bagaimana? Ada rabbi di Kuil Sinai di Oakland yang menyetujui kerja Gosney, atau umumnya eugenik dan pemandulan sebagai manfaat yang besar buat umat manusia.¹⁶ Sementara itu, untuk Kristian Katolik, menurut Leon¹⁷, aktivis, penulis, dan agamawan Katolik menggesa dalam menentang eugenik atas beberapa sebab seperti: “sains” yang digunakan oleh para eugenisis tak begitu mendalam untuk menghakimi dasar yang mereka gubal, malahan perkara sebaliknya, yakni “sains” yang diperjuangkan mereka itu hanya untuk mengaburi prejudis etnik, perkauman, dan kelas. Aktivis Katolik ini bukanlah tak bersetuju dengan idea bahawa manusia patut berusaha untuk memperbaiki kesihatan dan kebajikan populasi, tapi tak bersetuju dengan idea bahawa objektif pemajuan biologikal ini lebih teratas melampaui nilai-nilai hak dan cita-citanya. Seperti di Britain misalnya, Paderi Herve Blais tidak pula menyanggah seluruh program eugenik, tapi cuba membawa persoalan apakah tujuan hidup manusia yang sebenar atas muka bumi ini, makna kata, adakah program-program tersebut selari dengan objektif agama Kristian Katolik atau tak.¹⁸

¹⁵Farmer 2008, hlm. 16.

¹⁶Kline 2001, hlm. 94.

¹⁷Leon 2013, hlm. 5.

¹⁸Mazumdar 1992, hlm. 153.

2.3 Masalah kekaburan eugenik

Etikawan (*ethicist*) seperti Peter Singer mencadangkan bahawa untuk mewujudkan anak yang terbaik, haruslah diolah secara genetiknya (*genetically engineered*) semenjak peringkat embrio lagi. Singer juga mencadangkan agar kerajaan untuk memberi subsidi kepada ibu-bapa yang memperbaiki (*improve*) anak kelahiran mereka, selain daripada mencadangkan bayi yang baru dilahirkan yang cacat agar dibunuh.^{19,20} Lagi menurut Tankard Reist, bioetikawan (*bioethicist*) seperti John A. Robertson dan Jean E. Chambers memanjangkan hujah mereka berkenaan hak untuk ibu-bapa menggugurkan kandungan termasuklah menggunakan teknologi untuk memilih *genetic makeup* anak kelahiran mereka lantas melahirkan anak-anak yang terkawal kualitasnya. Maka apa kritikan terhadap cadangan sebegini? Menurut Merry Ekberg, eugenik baru sebegini memiliki penyokong yang ramai, tapi kebimbangan turut bersarang, sebagaimana kejuruteraan genetik ini menimbulkan pelbagai reaksi dan risiko untuk peringkat baru masa depan eugenik itu sendiri, melibatkan bioteknologi pengklonan pembiakan, pengubahsuaian genetik yang memungkinkan pelbagai kemungkinan.

Masalah betapa kaburnya eugenik moden itu tak hanya setakat hal-hal kejuruteraan genetik, tapi juga dalam hal perundangan dan salah laku perubatan (*medical malpractice*). Menurut Kevles²¹, pada tahun 1978, Mahkamah Rayuan New York ialah mahkamah yang pertama di Amerika yang mengurus kes berkenaan amalan genetik perubatan. Para obstretrik disaman oleh Dolores Becker dan Hetty Park. Becker ialah seorang wanita berumur 37 tahun dan melahirkan seorang anak perempuan yang mengalami Sindrom Down. Becker mendakwa pegawai perubatan tidak memaklumkan tentang kekerapan yang tinggi kelahiran bermasalah sebegini rupa kepada mereka. Mahkamah Rayuan menyatakan pendapat bahawa Becker berhak menyaman pegawai perubatan tersebut kerana tidak menyediakan makluman penting. Becker juga ingin menyaman pegawai perubatan tersebut atas dakwaan menyebabkan "*wrongful causation of life*" lantas dinafikan hak mereka untuk melahirkan

¹⁹Tankard Reist 2006, hlm. 46.

²⁰Saya menggunakan istilah "memperbaiki" sebagai terjemahan daripada istilah "*improve*", di mana saya memandang makna "memperbaiki" itu berbeza dengan istilah "membaiki" (*to repair*). Memperbaiki di sini maksudnya ialah benda yang elok itu akan dijadikan lebih elok, sementara membaiki di sini maksudnya apa yang rosak dijadikan kembali pulih.

²¹Kevles 1985, hlm. 292.

anak yang cukup lengkap dan berfungsi normal sepenuhnya, tapi mahkamah tidak membenarkan klaim tersebut atas sebab bahawa klaim tersebut lebih sesuai diserahkan kepada ahli falsafah dan teologis untuk memikirkannya.²²

John Boyd Orr menyatakan dalam laporannya bahawa ketinggian seseorang itu sekalipun ditentukan oleh pewarisan, namun sejauh mana seseorang itu mencapai had ketinggian tubuhnya itu akan ditentukan oleh diet.²³ Beberapa masalah yang melibatkan pemakanan akan mengundang ke arah tumbesaran yang terbantut, lantas akhirnya seseorang itu tak mencapai ketinggian penuh yang dibenarkan oleh kapasiti pewarisannya.²⁴ Maka di sini saya ingin mengujarkan dua sudut pandang, makna kata dari satu sudut, kita dapat lihat kepentingan pemakanan seimbang yang jauh mengatasi kepentingan untuk menjaga “kebersihan” kaum (*racial hygiene*). Dari satu sudut pandang lagi, boleh juga kita berpendapat bahawa kepentingan menjaga “kebersihan” kaum ini lebih penting, memandangkan kita ingin menyediakan suatu masyarakat berkapasiti tinggi, dan samada capaiannya berjaya atau tak, itu prioriti terkemudian.

3 Prospek untuk Malaysia & Rumusan

Untuk di Malaysia pula, bagaimana? Saya berpendapat masalah yang sama akan timbul di Malaysia jika program-program eugenik cuba dilaksanakan. Di Malaysia, pihak yang mungkin sekali bertanggungjawab ialah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Berikut ialah sebahagian daripada dasar atau Polisi Perancang Keluarga Kebangsaan:

1. Perkhidmatan kontraseptif akan disediakan melalui *cafeteria system* dan disampaikan oleh anggota perubatan, para perubatan, dan anggota sokongan yang dilatih khas dengan penekanan ke atas perkhidmatan perubatan sokongan dan rawatan susulan.

²²Rujuk *Becker v. Schwartz* 1978.

²³Ketinggian di sini merujuk kepada “statur” (*stature*), yakni ketinggian semula jadi tubuh seseorang tersebut.

²⁴*Mazumdar* 1992, hlm. 135.

2. Penyediaan perkhidmatan kepakaran dan kaunseling khusus (kaunseling genetik, rawatan infertiliti) bagi mempertingkatkan kualiti Perkhidmatan Perancang Keluarga di negara ini.
3. Pendidikan Perancang Keluarga/Kependudukan diintegrasikan dalam sistem pendidikan formal dan non-formal.
4. Penyediaan perkhidmatan Perancang Keluarga dalam Program Pembangunan Sosial adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada peningkatan kehidupan keluarga serta taraf sosio-ekonomi wanita. Peningkatan taraf pendidikan dan peluang pekerjaan untuk wanita secara tidak langsung dapat menurunkan kadar fertiliti.
5. Untuk menyediakan program dan aktiviti sokongan bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Ianya merangkumi aspek-aspek kesihatan, kesejahteraan, dan aktiviti-aktiviti bagi menggalakkan dan meningkatkan status wanita.
6. Mengalakkan kajian-kajian medikal, biologikal, sosio-ekonomi, dan budaya yang berhubung kait dengan corak materniti dan fertiliti ke atas pertumbuhan penduduk dan kesan terhadap pembangunan sosio-ekonomi keseluruhannya.

Jika kita melihat dengan teliti senarai dasar LPPKN terbabit, ada beberapa hal yang berkaitan dengan perbincangan eugenik ini. Contohnya, perkhidmatan kontraseptif, kaunseling genetik, rawatan infertiliti, objektif untuk menurunkan kadar kesuburan, serta kajian dan pembangunan berkaitan kaum wanita, perubahan, biologikal, dan sosio-ekonomika. Dua daripada objektif terbabit, yakni rawatan infertiliti dan menurunkan kadar kesuburan, dilihat agak saling bercanggah awalnya. Tapi apabila difikirkan kembali, seakan ada sesuatu. Iaitu pihak yang mana satu patut diberikan rawatan infertiliti. Dan pihak yang mana satu disarankan untuk “kurangkan kesuburan” (makna kata, jangan membiak). Adakah ini yang dinamakan sebagai optimisasi, yakni menambah apa yang bagus dan mengurangkan apa yang tak bagus? Adakah “orang kaya” digalakkan membiak dan “orang miskin” digalakkan untuk kurang membiak?²⁵

²⁵Mahu atau tidak, saya perlu akui perenggan ini mempamerkan bahasa saya yang agak kasar dan tidak begitu bersifat ilmiah tampaknya. Tapi musabab saya menulis sebegini, adalah bagaimana sejarah eugenik itu sendiri bermula dengan

Akan ada banyak perbincangan yang bakal diperhalusi untuk masa hadapan. Begitu juga Islam sebagai agama majoriti di Malaysia ini, dengan konsep maqasid Syariah, yakni salah satunya untuk menjaga keturunan. Apakah yang dimaksudkan di sini dengan menjaga keturunan? Nah, yang ini juga bakal diperhalusi.

Kertas ini bukan bertujuan untuk menyediakan jawapan lengkap, tapi sebagai titik tolak untuk membina rangka kefahaman. Selain itu, kertas ini juga cuba menawarkan jangkaan berkenaan masa depan eugenik ini di Malaysia. Meski kita tahu bahawa eugenik yang klasik telah mati berkubur sekali akibat kebencian dan kewaspadaan terhadap eugenik Nazi, namun ianya tak mustahil hidup kembali di Malaysia atas sebab musabab untuk mewujudkan sebuah bangsa yang agung. Kerana itu tak hairan sekiranya eugenik moden yang hadir melalui kejuruteraan genetik atau biogenetik membuka peluang kepada kita semua untuk membina masyarakat yang lebih baik, namun dalam masa yang sama, seperti yang telah saya catatkan tadi, ianya membuka kepada pelbagai kemungkinan.

Rujukan

Allen, Garland E.

2011 “Eugenics and Modern Biology: Critiques of Eugenics, 1910-1945”, *Annals of Human Genetics* (75), 314–325.

Barret, Deborah & Charles Kurzman

2004 “Globalizing Social Movement Theory: The Case of Eugenics”, *Theory and Society* (5, 33), 487–527.

Farmer, Ann

2008 *By Their Fruits: Eugenics, Population Control, and the Abortion Campaign*, Catholic University of America Press.

Goering, Sara

2014 “Eugenics”, *Stanford Encyclopedia of Philosophy*.

Kevles, Daniel J.

1985 *In The Name of Eugenics: Genetics and the Uses of Human Heredity*, Knopf, Inc., University of California Press.

prejudis kelas, dan bagaimana prinsip *Maximin* atau kriteria *Maximin* mencadangkan untuk yang kaya membantu yang miskin. Dan bagaimana suatu keadaan itu boleh dioptimisasikan. Rujuk kriteria *Maximin* dalam teori keadilan oleh John Rawls.

Kline, Wendy

- 2001 *Building a Better Race: Gender, Sexuality, and Eugenics from the Turn of the Century to the Baby Boom.*

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

- 2014 *Laman Web Rasmi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara*, http://www.lppkn.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=56&Itemid=142&lang=ms (diperoleh 08/08/2015).

Leon, Sharon M.

- 2013 *An Image of God: The Catholic Struggle with Eugenics*, University of Chicago Press.

Lombardo, Paul A.

- 2011 "Looking Back at Eugenics", dlm. *A Century of Eugenics in America: From the Indiana Experiment to the Human Genome Era*, pnyt. Paul A. Lombardo, Indiana University Press.

Mazumdar, Pauline M. H.

- 1992 *Eugenics, Human Genetics, and Human Failings: The Eugenics Society, its Sources and its Critics in Britain*, Routledge.

Ordoover, Nancy

- 2003 *American Eugenics: Race, Queer Anatomy, and the Science of Nationalism*, University of Minnesota Press.

Sfera, Adonis

- 2013 "Can Psychiatry Be Misused Again?", dlm. *Frontiers in Psychiatry*, pnyt. William Donald Richie.

Tankard Reist, Melinda

- 2006 *Defiant Birth: Women Who Resist Medical Eugenics*, Spinifex Press.